

| | | | |
|--------------------|--|---------------------|---------------------------|
| Headline | Kad debit pilihan masa depan wanita | Language | MALAY |
| Date | 09. Jan 2008 | Page No | B4 |
| Media Title | Berita Harian | Article Size | 893 cm² |
| Section | Citra | Frequency | Daily |
| Circulation | 217991 | Color | Full Color |
| Readership | 762968 | | |



Kad debit pilihan masa depan wanita

Penggunaan lebih bermanfaat jika individu bijak urus, rancang kewangan

Oleh fadzlena jafar

PENGGUNAAN kad debit yang kini sedang hangat dipromosikan kebanyakan bank di negara ini dikatakan pilihan terbaik bagi membantu wanita menguruskan kewangan dengan baik, selain satu langkah keselamatan kerana tidak perlu membawa wang tunai di dalam beg jika mengambil kira kes jenayah seperti rugut dan kes seluk yang seolah-olah memilih wanita sebagai mangsa.

Malah, tidak seperti kad kredit, kad debit juga mampu mengelakkkan seseorang itu daripada menanggung beban hutang yang banyak kerana anda perlu mempunyai wang di dalam simpanan sebelum boleh menggunakan.

Dengan cara ini, anda boleh memastikan pengaliran wang keluar bersesuaian dengan habar belanja yang ditetapkan.

Misalnya, jika anda menetapkan untuk menggunakan RM1,000 dalam sesuatu bulan itu untuk belahan keperluan membeli barang dapur dan produk penjagaan diri termasuk perkara lain seperti pakaian dan hiburan, maka apabila had yang diperuntukkan sudah mencukupi, anda tidak boleh lagi berbelanja kerana jumlah wang yang dimasukkan sudah ditetapkan.

Bagaimanapun, Pensyarah Ekonomi Keluarga, Fakulti Ekoekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Prof Dr Jariah Masud, berkata penggunaan kad debit akan lebih bermanfaat jika pengguna bijak mengurus atau merancang kewangannya.

"Dari segi keselamatan wanita, ya, penggunaan kad debit banyak membantu kerana anda tidak perlu membawa wang tunai. Tetapi apa yang kita bimbangkan jika pengguna tidak tahu mengurus kewangan khususnya perbelanjaan dengan baik. Kemudahan sudah ada, tetapi pemilik kad ini mestilah uruskan perbelanjaannya dengan baik supaya bajet yang diperuntukkan tidak lari."

"Sama juga seperti kad kredit, anda hanya setiap hujung bulan perlu melunaskan hutang berdasarkan perbelanjaan yang digunakan sebelum itu. Ada kalanya, kita terlebih

guna atau perbelanjaan dalam sesuatu bulan itu melebihi bajet yang ditetapkan, tetapi memandangkan kita sudah tanam dalam diri, hujung bulan nanti atau kemudian hari boleh dibayar sehingga lama kelamaan hutang semakin meningkat," katanya.

Beliau berkata, masalah pengguna di Malaysia ialah kekurangan pengetahuan bagaimana untuk menggunakan sesuatu produk itu dengan baik.

Walaupun penggunaan kad debit memberi peluang kepada pengguna khususnya wanita untuk membeli-belah tanpa wang tunai, hakikatnya banyak perkara yang perlu diambil kira terlebih dulu.

Beigitupun, katanya, tiada siapa boleh menghalang kemudahan seperti itu daripada diperkenalkan dalam sistem kewangan di sesbuah negara.

Dalam hubungan ini, beliau berpendapat masyarakat perlu dididik kaedah pengurusan kewangan yang baik terlebih dulu kerana di negara maju yang mana penggunaan kad debit kini dilahat satu alternatif terbaik bagi mengelakkan beban hutang, masyarakat di sini pula masih belum bersedia sepenuhnya.

"Dari segi keselamatan wanita, penggunaan kad debit banyak membantu kerana tidak perlu bawa wang tunai. Tetapi apa yang kita bimbangkan jika pengguna tidak tahu mengurus kewangan khususnya perbelanjaan dengan baik"

Dr Jariah Masud
Pensyarah Ekonomi Keluarga, Fakulti Ekoekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

"Berbeza dengan wang tunai yang kita boleh nampak susut jumlahnya apabila digunakan, kad debit pula tidak menyediakan khidmat berkenaan melainkan anda mampu membuat pengiraan dengan baik setiap kali menggunakanannya, iaitu dengan memastikan anda bersedia untuk memantau rekod transaksi setiap masa.

"Ada kalanya, walaupun anda sudah tetapkan jumlah wang untuk berbelanja, nafsu berbelanja itu akan mengatasi segalanya dan mungkin sejumlah wang yang dimasukkan ke dalam kad itu habis sekelip mata. Akibatnya belum cukup bulan wang dalam kad debit sudah habis digunakan," katanya.

Berdasarkan pengalaman penulis menggunakan kad debit sejak beberapa tahun kebelakangan ini ada banyak kelebihan apabila menggunakanannya.

Tidak perlu lagi menunggu lama di mesin juruwang automatik (ATM) untuk mengeluarkan wang terutama pada musim juluan murah kerana anda hanya perlu beratur di kaunter pembayaran dan tunjukkan kad berkenaan.

Apa yang penting anda hanya perlu memasukkan sejumlah wang pada



MUDAH: Kad debit lebih selamat digunakan kerana individu tidak perlu membawa wang tunai.

setiap bulan bagi memastikan kad debit berkenaan boleh digunakan. Pastikan keperluan anda termasuk berapa banyak wang digunakan untuk membeli keperluan barang daripadanya, mengisi minyak dan berapa lagi untuk pakaian ataupun hiburan seperti monoton wayang.

Ketika ini, beberapa bank tempatan ada menawarkan kemudahan kad debit, tetapi hanya boleh digunakan di beberapa premis perniagaan tertentu. Memahami keperluan itu, kini MasterCard memperkenalkan kad debit yang boleh digunakan di mana-mana premis perniagaan yang ada menawarkan khidmat.

Ini bermakna anda tidak perlu bimbang memikirkan kesukaran bakal dihadapi jika tidak mempunyai wang tunai atau jika kad debit biasa anda tidak bernilai di premis perniagaan tertentu.

Sebut apa saja premis perniagaan yang anda gemari, asalkan ada tertera logo MasterCard, anda boleh menggunakan kad debit berkenaan.

Malah, untuk ke luar negara anda tidak perlu lagi membawa sejumlah wang yang banyak kerana kad debit MasterCard memberi kemudahan untuk anda berbelanja di semua premis perniagaan yang menawarkan khidmat MasterCard tidak kira di mana jua di luar negara. Jika memerlukan wang tunai, anda

juga boleh mengeluarkan wang tunai daripada kad debit MasterCard di mana-mana saja ATM yang menawarkan khidmat MasterCard di seluruh dunia.

Menarik bukan? Tetapi benar seperti yang dikatakan Prof Jariah jika anda hendak menggunakan kaedah berbelanja tanpa wang tunai itu, ada risiko yang termasuk menghadapi masalah lebih berbelanja. Pastikan anda sentiasa memerlukan rekod transaksi kad yang dimiliki supaya anda tahu jumlah wang yang ada.

Pengalaman penulis menggunakan kad debit seumpama itu, ada kalanya bayaran dibuat dua kali sehingga mengurangkan jumlah wang yang ada dalam kad debit berkenaan. Meskipun wang berkenaan akan dikembalikan, ia mungkin boleh mengganggu hari anda sekiranya sudah menetapkan untuk membelanjakan jumlah tertentu dengan wang yang sedia ada dalam kad berkenaan.

Apapun, bak kata pepatah, masa tidak akan menunggu seseorang itu. Dengan perkembangan semasa, kita perlu memanfaatkan pelbagai kemudahan yang ditawarkan.

Jangan biarkan diri ketinggalan kerana mungkin satu hari nanti penggunaan wang tunai sudah tidak lagi apabila kemudahan seperti kad debit dan kredit mengambil alih sepenuhnya dunia kewangan.

INFO

Kad kredit dan kad debit

● **Kad kredit:** Kemudahan membuat pembayaran selepas digunakan. Dalam kata mudah, anda berhutang kerana tidak mempunyai wang dalam kad berkenaan.

● **Kad debit:** Kemudahan menggunakan kad kerana duit sudah dimasukkan terlebih dulu. Anda tidak perlu berhutang.



GAMBAR HASAN